



29 September 2017
29 September 2017
P.U. (A) 293

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 7) 2017

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 7) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 7) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 7) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Oktober 2017.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Kertas Komersial Islamik dan Nota Jangka Sederhana Islam, yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad menurut Program Kertas Komersial Islamik dan Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sehingga tiga belas bilion ringgit (RM13,000,000,000.00):

Dengan syarat bahawa agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Kertas Komersial Islamik dan Nota Jangka Sederhana Islam dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Kredit Pusingan Islam Bersindiket, yang disebut “Pembiayaan RC-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi tiga belas bilion ringgit (RM13,000,000,000.00);

(b) Pembiayaan RC-i yang diperoleh atau akan diperoleh oleh DanaInfra Nasional Berhad dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi empat bilion ringgit (RM4,000,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut

dalam subsubperenggan (a); dan

- (c) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Kertas Komersial Islamik, Nota Jangka Sederhana Islam dan Pembiayaan RC-i.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) DanaInfra Nasional Berhad yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (DanaInfra Nasional Berhad) 2012 [*P.U. (A) 176/2012*];
- (b) mana-mana pemegang Kertas Komersial Islamik atau pemegang Nota Jangka Sederhana Islam;
- (c) mana-mana pembiaya Pembiayaan RC-i; atau
- (d) mana-mana pihak kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.